



## **PKP: KPDNHEP Mukah Rekod RM8,012 Rampasan, RM9,100 Kompaun Dalam 24 Kes**

JUNE 6, 2020

**MUKAH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah telah membuat pemeriksaan ke atas 1,018 premis perniagaan di bandar dan luar bandar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 18 Mac hingga 4 Jun 2020.

Memetik laporan UKAS, hasil daripada pemeriksaan itu berjaya merekodkan 24 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM8,012 serta nilai kompaun RM9,100.

KPDNHEP Mukah dalam kenyataan media pada Jumaat memberitahu telah menerima sebanyak 40 aduan daripada para pengguna sepanjang tempoh PKP hingga PKPB.

Kesemuanya telah selesai disiasat dan menghasilkan 18 kes, 9 aduan tidak berasas, dua aduan disalurkan ke agensi lain dan dua aduan disalurkan ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Di samping itu sebanyak sembilan Notis seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) telah dikeluarkan bagi mendapat maklumat mengenai harga berdasarkan aduan yang diterima.

Daripada sembilan notis berkenaan membuka satu kertas siasatan atas kesalahan di bawah seksyen 21(5) iaitu enggan atau tidak mematuhi arahan yang dibuat oleh Penolong Pengawal.

KPDNHEP Mukah dalam pada itu berpuas hati dengan pematuhan peniaga semasa sepanjang tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa dan Gawai 2020.

Hasil daripada pemeriksaan dijalankan mendapati para peniaga patuh pada arahan dikeluarkan seperti penandaan harga menggunakan warna pink, tidak menjual lebih dari harga siling yang ditetapkan dan tidak menyorok barang kawalan dan sebagainya.

Pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga (PPH) juga mendapati bekalan barang kawalan dan keperluan asas mudah diperolehi, sentiasa mencukupi dengan harga yang berpatutan.

<https://tvsarawak.com/pkp-kpdnhep-mukah-rekod-rm8012-rampasan-rm9100-kompaun-dalam-24-kes/>

